

17/08/2002

Pengikut Pas dakwa Bunyamin akan beri keterangan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Polis menerima panggilan daripada seorang lelaki yang memberi jaminan penceramah Pas, Bunyamin Yaacob yang mendakwa Perdana Menteri, menonton video lucah bersama cucunya, akan tampil memberi keterangan dalam masa terdekat.

Timbalan Pengarah I Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Musa Hassan, berkata panggilan itu dipercayai dibuat pengikut parti pembangkang itu, semalam.

"Panggilan kepada Ketua JSJ Kelantan, Asisten Komisioner Abdul Rahim Jani itu dibuat kerana mungkin mereka (pengikut Pas) tertekan dan bimbang Bunyamin akan ditahan dan dikenakan tindakan lebih berat jika tidak bekerjasama dengan polis dalam membantu siasatan berhubung dakwaannya terhadap Dr Mahathir," katanya ketika ditemui di Persidangan Kajian Prestasi Pertengahan 2002 JSJ di Hotel Concorde di sini, hari ini.

Musa berkata, walaupun mendapat perkembangan terkini mengenai penceramah terbabit, polis di seluruh negara tetap diarahkan mengesannya supaya segera tampil memberi keterangan.

Katanya, jika gagal, polis akan mendapatkan perintah mahkamah untuk mengeluarkan waran bagi memastikan Bunyamin bekerjasama dengan polis sebelum melakukan tindakan terakhir memohon mahkamah mengeluarkan waran untuk menahannya.

"Lebih mudah jika dia (Bunyamin) menemui pegawai penyiasat di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan di Kota Bharu atau ke Ibu Pejabat Polis di Bukit Aman di sini, untuk memberi keterangan.

"Polis tidak akan menahannya kerana kes itu masih pada peringkat siasatan," katanya.

Siasatan terhadap penceramah parti pembangkang mengikut Akta Hasutan 1948 yang dijalankan sejak awal bulan ini terhenti apabila polis gagal mendapatkan keterangan Bunyamin, selaku individu yang bertanggungjawab membuat dakwaan itu.

Kelmarin, Abdul Rahim memaklumkan cubaan polis menghubungi Bunyamin di dua kediamannya di Bachok gagal, bagaimanapun beliau percaya penceramah itu yang sudah menghilangkan diri, dipercayai tiada di Kelantan.

Siasatan terhadap Bunyamin dibuat selepas menerima tiga laporan polis yang dibuat terhadapnya di Kelantan, Kedah dan Terengganu.

Antaranya laporan yang dibuat oleh seorang kakitangan awam, Kamarul Bahrin Awang di Kelantan; Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pemuda Umno Terengganu, Tengku Zainuddin Tengku Zahid di Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Terengganu dan satu lagi di Baling, Kedah.

Siasatan yang dijalankan pasukan khas yang ditubuhkan itu dibuat mengikut Seksyen 4 (1)(b) akta berkenaan dan jika sabit kesalahan, boleh dikenakan denda RM5,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya.

Setakat ini, keterangan 18 saksi termasuk lima wartawan Berita Harian di sini sudah diambil untuk membantu siasatan kes berkenaan.